



KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA

GARIS PANDUAN SISTEM PENGURUSAN PEMBEKALAN UBAT BAGI PERKHIDMATAN NILAI TAMBAH FARMASI



MyUBAT

EDISI PERTAMA (2021)

BAHAGIAN AMALAN DAN
PERKEMBANGAN FARMASI

Garis Panduan Sistem Pengurusan Pembekalan Ubat Bagi
Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi (MyUBAT)
Edisi Pertama 2021

© HAK CIPTA TERPELIHARA

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula atau diedarkan dalam apa bentuk atau dengan apa-apa cara, atau disimpan di dalam pangkalan data atau sistem, tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah Kanan Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

e ISBN 978-967-2854-01-2



Program Perkhidmatan Farmasi,
Kementerian Kesihatan Malaysia
Lot 36, Jalan Prof Diraja Ungku Aziz,
46200, Petaling Jaya, Selangor Malaysia
Tel: 603-7841 3200 Faks: 603-7968 2222
Laman sesawang: www.pharmacy.gov.my

Penasihat

Datin Dr. Faridah Aryani binti Md. Yusof
Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi,
Kementerian Kesihatan Malaysia

Puan A'tia Binti Hashim
Pengarah Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi,
Kementerian Kesihatan Malaysia

Editorial

Siti Fauziah Binti Abu
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi,
Kementerian Kesihatan Malaysia

Norhayati Binti Musa
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi,
Kementerian Kesihatan Malaysia

Sharon Ong Chin Wen
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi,
Kementerian Kesihatan Malaysia

Penghargaan

Puan Rozita Binti Mohamad
Ketua Cawangan Amalan dan Perkembangan Farmasi
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Mazuin Binti Mahmud Taridi
Pegawai Farmasi UF 54
Hospital Tunku Azizah

Cawangan Teknologi Maklumat dan Informatik Farmasi
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

KANDUNGAN

1. Pendahuluan	5
2. Objektif	6
3. Skop	6
4. Terminologi	6
5. Tanggungjawab	9
6. Kaedah Pelaksanaan	11
7. Prosedur Kerja	11
8. Pelaporan Berkaitan Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi Melalui Sistem Pengurusan Pembekalan Ubat Bagi Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi	14
9. Carta Alir Prosedur Kerja Perlaksanaan Sistem Pengurusan Pembekalan Ubat Bagi Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi	15
10. Gambaran Prosedur Pelaksanaan Myubat Mengikut Aplikasi Myubat Di Dalam Telefon Pintar Pesakit Dan <i>Platform Web-Console</i> Di Pihak Farmasi Fasiliti Kesihatan	16
11. Rujukan	17

1. PENDAHULUAN

Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selaku pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan perihal pembekalan ubat-ubatan kepada pesakit di fasiliti-fasiliti kesihatan, KKM sentiasa menambahbaik perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit bersesuaian dengan slogan 'Kami Sedia Membantu'.

Polisi pembekalan ubat di fasiliti farmasi KKM adalah bergantung kepada kestabilan status pesakit dan ketersediaan bekalan stok ubat-ubatan di fasiliti-fasiliti KKM. Bagi pesakit berpenyakit kronik, pembekalan ubat adalah sama ada untuk tempoh sebulan atau dua bulan sahaja. Ini adalah untuk menjamin kualiti ubat yang disimpan di rumah, memudahkan pemantauan kejadian kesan sampingan yang tidak diingini, memastikan kepatuhan pesakit terhadap pengambilan ubat, mengelakkan pembaziran serta mengurangkan risiko berlakunya kesilapan pengubatan akibat stok ubat berlebihan yang boleh disalahguna oleh orang lain. Namun, semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) praktis tersebut menimbulkan beberapa kesulitan akibat daripada pesakit perlu hadir beberapa kali ke farmasi untuk mendapatkan bekalan ubat-ubatan seperti kesesakan serta waktu menunggu lama di farmasi, beban kos pengangkutan serta kesuntukan masa bagi pesakit terlibat.

Sehubungan itu, Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi (*Value Added Services, VAS*) telah dipertingkatkan bagi mengatasi kesulitan-kesulitan ini dengan objektif utama adalah untuk menjamin kebolehcapaian pesakit kepada bekalan ubat susulan mereka. Kini, pesakit mempunyai pelbagai pilihan bagi memudahkan pengambilan ubat susulan mereka. Antara kaedah VAS ini adalah Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu (SPUB), perkhidmatan Farmasi Pandu Lalu (*Drive-Through Pharmacy*), Sistem temujanji melalui kad temujanji, telefon dan *aplikasi komunikasi telefon pintar* bagi pengambilan ubat, Ubat Melalui Pos (UMP) dan perkhidmatan *Locker4U*. Pada tahun 2020, pelaksanaan inisiatif seperti di atas telah dapat memudahkan pengambilan ubat susulan pesakit untuk 34.4% preskripsi susulan. Manakala, melalui perkhidmatan UMP, pada tahun 2020, sejumlah 4.2% preskripsi susulan telah dapat mengurangkan kedatangan pesakit mengambil ubat di kaunter farmasi.

Selaras dengan perkembangan teknologi terkini, Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi dan Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi telah bekerjasama membangunkan Sistem Pengurusan Pembekalan Ubat Bagi Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi (MyUBAT) untuk membolehkan pesakit memantau bekalan dan penggunaan ubat-ubatan mereka melalui telefon pintar. Selain dari itu, penggunaan sistem ini juga dapat memudahkan anggota di fasiliti farmasi menguruskan proses pendaftaran dan penyediaan ubat-ubatan susulan di kaunter-kaunter farmasi dengan lebih sistematik.

2. OBJEKTIF

Memastikan pelaksanaan dan pengendalian sistem pengurusan pembekalan ubat bagi perkhidmatan nilai tambah farmasi, adalah seragam di semua fasiliti kesihatan KKM yang menawarkan perkhidmatan nilai tambah farmasi.

3. SKOP

MyUBAT boleh ditawarkan kepada semua pesakit yang mendapatkan rawatan dan menerima preskripsi jangka panjang dari fasiliti kesihatan KKM.

Garis panduan ini disediakan secara umum dan terpakai kepada fasiliti kesihatan KKM bagi jenis-jenis VAS yang disediakan di unit atau jabatan farmasi fasiliti kesihatan KKM.

4. TERMINOLOGI

4.1. Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi (*Value Added Services, VAS*)

Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi adalah perkhidmatan inovatif yang disediakan untuk pesakit bagi kemudahan mereka mendapatkan ubat susulan. Ia melibatkan aktiviti pendispensan ubat susulan untuk pesakit yang mempunyai preskripsi jangka panjang.

Antara Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi yang diperkenalkan oleh pihak farmasi fasiliti KKM adalah:

- * Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu (SPUB)
- * Sistem Temujanji
- * Perkhidmatan Ubat Melalui Pos (UMP)
- * Farmasi Pandu Lalu atau Kaunter *Park & Take*
- * *Locker4U*
- * Lain-lain perkhidmatan baru yang diperkenalkan berkaitan dengan VAS dari masa ke semasa.

4.2. Sistem Pengurusan Pembekalan Ubat Bagi Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi (MyUBAT)

Sistem MyUBAT dibangunkan untuk memudahkan pesakit mendapatkan perkhidmatan VAS melalui aplikasi telefon pintar tanpa perlu hadir ke kaunter farmasi. Bagi preskripsi jangka panjang, pesakit masih perlu mendapatkan bekalan pertama di kaunter farmasi.

Sistem ini terdiri daripada:

1. Aplikasi telefon bimbit, MyUBAT

- Pengguna: Pesakit
- Semakan status permohonan dan penyediaan ubat
- *Tracking* bungkusan ubat
- Semakan tarikh bekalan susulan
- Semakan senarai ubat

2. Sistem Web-console

- Pengguna: Pegawai Farmasi (PF) atau Penolong Pegawai Farmasi (PPF)
- Kemaskini status penyediaan ubat
- Kemaskini tarikh pengambilan ubat susulan

4.3. Preskripsi Susulan

Preskripsi ubat jangka panjang yang melebihi sebulan di mana bekalan ubat kali pertama telah diberikan di kaunter farmasi dan pembekalan ubat susulan kali kedua diteruskan sehingga preskripsi tamat tempoh sah.

4.4. Preskriber

Pegawai perubatan bertauliah yang diberikan kuasa menulis preskripsi (mempreskrib) seperti yang tertakluk dalam Akta Racun 1952 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

4.5. Fasiliti Kesihatan MyUBAT

Fasiliti kesihatan KKM yang melaksanakan perkhidmatan VAS dan MyUBAT serta dikendalikan oleh sekurang-kurangnya seorang anggota farmasi.

4.6. Pesakit VAS

Pesakit yang menerima preskripsi untuk ubat lebih dari satu bulan atau untuk jangka panjang dan berdaftar dengan sistem pengurusan pembekalan ubat bagi perkhidmatan nilai tambah farmasi melalui aplikasi MyUBAT.

4.7. Liaison MyUBAT

Pegawai farmasi yang telah dilantik di fasiliti, JKN atau Ibu Pejabat yang bertanggungjawab menguruskan pengendalian dan perekodan Sistem Pengurusan Pembekalan Ubat Bagi Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi melalui *platform web-console*.

4.8. Bungkus ubat yang tidak dituntut

Bungkusan ubat yang telah disediakan untuk perkhidmatan nilai tambah farmasi tetapi tidak dituntut oleh pesakit selepas tarikh pungutan yang telah ditetapkan, iaitu dalam tempoh 3 ke 7 hari bekerja (maksimum 7 hari).

Catatan: *Tempoh pungutan yang bersesuaian dengan keadaan fasiliti perlu adakan, adalah tertakluk kepada fasiliti, dan dinyatakan dalam Standard Operation Procedure (SOP) masing-masing.*

4.9. Pesakit walk-in

Pesakit yang telah daftar melalui aplikasi MyUBAT tetapi datang ke kaunter BUKAN pada tarikh temujanji yang dipersetujui. Keputusan pembatalan dan penerimaan pada status permohonan akan ditentukan oleh pegawai farmasi yang menguruskan aplikasi atau perkhidmatan ini.

5. TANGGUNGJAWAB

5.1. Program Perkhidmatan Farmasi (PPF), Kementerian Kesihatan Malaysia (*Liaison MyUBAT KKM*)

- * Menyelaras dan memantau pelaksanaan Sistem MyUBAT
- * Mengurus pendaftaran pengguna dan fasiliti untuk peringkat JKN
- * Menyediakan dan mengemaskini Garis Panduan Sistem Pengurusan Pembekalan Ubat Bagi Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi (MyUBAT)
- * Membantu menyediakan bahan promosi bagi pelaksanaan Sistem MyUBAT yang seragam
- * Mengumpul dan menganalisis data dan maklumat berkenaan perkhidmatan nilai tambah farmasi di peringkat kementerian
- * Membentangkan pencapaian dan mengesyorkan langkah-langkah penambahbaikan

5.2. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) (TPKNF)

- * Memantau pelaksanaan Sistem MyUBAT di negeri masing-masing bagi memastikan kelancaran pelaksanaannya
- * Memastikan setiap hospital atau klinik kesihatan yang mempunyai anggota farmasi menjalankan perkhidmatan ini
- * Mengenal pasti masalah yang dihadapi pihak fasiliti dalam menjalankan perkhidmatan ini serta membantu menyelesaikan masalah tersebut

5.3. Penyelaras Sistem MyUBAT (*Liaison MyUBAT JKN*)

- * Menyelaras Sistem MyUBAT di negeri masing-masing bagi memastikan kelancaran pelaksanaannya
- * Menyelaras aktiviti promosi bagi pelaksanaan Sistem MyUBAT di negeri masing-masing
- * Mengurus daftar pengguna dan fasiliti di negeri masing-masing
- * Memantau dan menganalisis data perkhidmatan nilai tambah farmasi negeri masing-masing melalui sistem *web-console*
- * Menyediakan data dan laporan yang berkaitan dan mengemukakannya mengikut jadual secara kumulatif kepada BPF KKM melalui TPKN(F)

5.4. Ketua Pegawai Farmasi dan Pegawai Farmasi Kesihatan (Pegawai Farmasi Kawasan atau Pegawai Farmasi Bahagian: Sabah & Sarawak)

- * Memastikan pelaksanaan Sistem MyUBAT yang dijalankan adalah mengikut arahan serta panduan yang ditetapkan pihak BPF KKM dan BPF Negeri

- * Menyediakan *Standard Operating Procedure* (SOP) (sekiranya perlu) untuk disesuaikan dengan fasiliti masing-masing dengan berpandukan garis panduan BPF KKM

5.5. Pegawai Farmasi (*Liaison MyUBAT Fasiliti*)

- * Memberikan taklimat kepada anggota farmasi di fasiliti mengenai pelaksanaan Sistem MyUBAT
- * Mempromosikan dan memberikan penerangan yang lengkap mengenai cara pendaftaran Sistem MyUBAT kepada pesakit
- * Menguruskan daftar pengguna anggota farmasi yang mengendalikan VAS di fasiliti masing-masing
- * Mendaftarkan pesakit yang berminat tetapi tidak mempunyai telefon pintar atau kemahiran menggunakan aplikasi MyUBAT melalui *platform web-console*
- * Menyediakan dan membekalkan bekalan ubat pesakit mengikut tarikh temujanji yang telah dipersetujui berpandukan *platform web-console*
- * Memastikan dan memantau rekod berkenaan perkhidmatan nilai tambah farmasi yang dilaksanakan melalui *platform web-console* adalah lengkap dan teratur
- * Menyediakan dan menghantar laporan data PF atau KPI berkenaan perkhidmatan nilai tambah farmasi kepada TPKN(F) mengikut jadual

5.6. Pegawai Farmasi atau Penolong Pegawai Farmasi

- * Membantu dalam pelaksanaan Sistem MyUBAT seperti menyediakan bekalan ubat pesakit, merekod dan sebagainya
- * Membantu dalam mempromosikan perkhidmatan VAS dengan menggunakan sistem MyUBAT melalui edaran risalah atau memaklumkan kepada pesakit semasa sesi pendispensan atau kaunseling ubat-ubatan.

5.7. Keselamatan Data

Semua anggota yang terlibat dengan Sistem MyUBAT adalah tertakluk dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 di mana anggota berkenaan tidak boleh membocorkan, menyiarkan, atau menyampaikan, sama ada secara lisan atau dengan bertulis, data dan maklumat pesakit kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk.

Setiap maklumat tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak tanpa persetujuan pesakit. Profil pengubatan pesakit dalam bentuk elektronik dan cetakan adalah rahsia.

Untuk memastikan kerahsiaan maklumat pesakit dikawal, akses pengguna bagi Sistem MyUBAT adalah mematuhi *User Access Control Policy* (UACP), Kementerian Kesihatan Malaysia.

6. KAEDAH PELAKSANAAN

Semua perkhidmatan nilai tambah farmasi ini adalah diberikan secara percuma. Bagi perkhidmatan VAS lain-lain yang melibatkan caj bayaran, sila rujuk kepada garis panduan VAS yang berkaitan.

Pesakit perlu mendaftar dalam aplikasi MyUBAT melalui telefon pintar untuk mendapatkan perkhidmatan VAS yang dikehendaki.

Kriteria pemilihan pesakit dengan preskripsi jangka panjang boleh ditetapkan mengikut kesesuaian fasiliti masing-masing.

7. PROSEDUR KERJA

Bil	Prosedur Kerja	Tanggungjawab
7.1	Daftar akaun pesakit (boleh dilaksanakan melalui 2 cara): <ol style="list-style-type: none"> i. Pendaftaran akaun oleh pesakit melalui aplikasi MyUBAT di dalam telefon pintar pesakit; atau ii. Daftar pesakit melalui <i>platform web-console</i> bagi kriteria berikut: <ul style="list-style-type: none"> * Pesakit tidak mempunyai dan tiada kemahiran menggunakan aplikasi telefon pintar. * Pesakit warga asing yang memerlukan pengesahan berdasarkan Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan untuk Garis Panduan Pembekalan Ubat Kepada Pesakit Warga Asing di Fasiliti KKM Edisi 3 Tahun 2017. (Terus ke 7.3) 	PF
7.2	Terima permohonan pesakit melalui <i>platform web-console</i> .	PF
7.3	Saring permohonan pesakit untuk kelulusan dengan menyemak nombor RN pesakit, jenis VAS yang dipilih dan lokasi serta status pembayaran ubat (bagi pesakit kanser yang perlu melaksanakan bayaran ubat-ubatan): <ol style="list-style-type: none"> i. Sekiranya YA: <ul style="list-style-type: none"> * Kemas kini status penyediaan dan pemprosesan ubat dalam <i>platform web-console</i>. (Tempoh pemprosesan boleh dilaksanakan untuk maksima 30 hari sahaja. PERLU pastikan tiada masalah dari segi 	PF

Bil	Prosedur Kerja	Tanggungjawab
	<p>status pendispensan dengan sistem PhIS – untuk fasiliti berkaitan).</p> <ul style="list-style-type: none"> * Semak dan pastikan bungkusan VAS diisi dengan ubat yang betul dan adalah lengkap berlabel. * Simpan bungkusan VAS di ruang khas. * Hantar notifikasi kepada pesakit untuk tarikh pengambilan ubat susulan. <p>ii. Sekiranya TIDAK, pilih sebab tidak lulus dan hantar maklumat kepada pesakit untuk mohon betulkan maklumat atau pilih jenis VAS lain.</p>	PF
7.4	<p>Sekiranya pesakit membuat permohonan pindaan tarikh pengambilan bekalan ubat:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Semak jika ada permohonan pindaan tarikh daripada pesakit. ii. Kemas kini pindaan tarikh pembekalan berdasarkan permohonan pesakit. <p>Catatan: Hanya SATU KALI pindaan tarikh dibenarkan sekiranya tarikh pengambilan yang ditetapkan tidak sesuai.</p>	PF
7.5	<p>Semasa pesakit mengambil ubat pada tarikh yang dipersetujui.</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Terima preskripsi asal atau kad temujanji daripada pesakit semasa pendispensan ubat di kaunter farmasi (Bagi perkhidmatan VAS yang melibatkan pendispensan ubat secara bersemuka dengan pesakit). ii. Berikan kaunseling susulan, sekiranya perlu. 	PF
7.6	<p>Terima notifikasi pengesahan penerimaan ubat oleh pesakit. Kemas kini status penerimaan ubat di <i>platform web-console</i> sekiranya pesakit tidak menggunakan aplikasi MyUBAT atau tidak membuat pengesahan penerimaan ubat setelah menerima ubat.</p>	PF
7.7	<p>Kemas kini tarikh untuk pembekalan ubat susulan seterusnya.</p>	PF

Nota:

i. Rujukan prosedur kerja berkaitan

Prosedur kerja yang dinyatakan adalah sebagai panduan untuk pelaksanaan Sistem MyUBAT bagi Sistem Temujanji Kaunter dan UMP. Garis panduan ini akan dikemas kini sekiranya terdapat penambahan VAS lain.

Prosedur SPUB, Perkhidmatan UMP dan lain-lain VAS perlu mengikut kesesuaian dan garis panduan yang telah tersedia iaitu:

- * Garis Panduan Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu (SPUB), Edisi Ke-4. 2021
- * Garis Panduan Perkhidmatan Ubat Melalui Pos (UMP), Edisi 1. 2010
- * Garis Panduan Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi, Edisi 1. 2016

ii. UMP: Pengeposan semula bungkusan ubat sekiranya tidak diterima oleh pesakit

Bungkusan ubat boleh dipos semula kepada pesakit sekiranya pesakit memohon pengeposan semula daripada pegawai farmasi di fasiliti kesihatan yang berkaitan.

Pegawai farmasi perlu merancang kaedah pengeposan semula sama ada:

- * Menganjak atau meminda tarikh pembekalan susulan asal; atau
- * Mengurangkan kuantiti bekalan ubat yang ingin dipos semula mengikut tarikh bersesuaian.

Ini adalah untuk memastikan tarikh-tarikh pembekalan susulan seterusnya dan tarikh temujanji doktor adalah selaras dan tidak terganggu.

Sekiranya kaedah pengeposan semula tidak sesuai, pesakit digalakkan untuk mengambil ubat di kaunter farmasi atau menggunakan lain-lain VAS yang bersesuaian.

iii. Isu penyimpanan preskripsi asal bagi preskripsi jangka panjang

Merujuk kepada Garis Panduan '*Guide to Good Dispensing Practice*' Edisi 1 Tahun 2010, perlu dipastikan preskripsi salinan disimpan bagi tujuan semakan dan rekod untuk bekalan seterusnya. Maklumat bekalan perlu dinyatakan dalam preskripsi asal dan preskripsi asal perlu dikembalikan kepada pesakit bagi pembekalan ubat seterusnya.

Keperluan penyimpanan preskripsi asal perlu mendapat persetujuan dari pesakit. Walau bagaimanapun, keputusan adalah ditentukan oleh pegawai farmasi yang menguruskan di fasiliti masing-masing.

8. PELAPORAN BERKAITAN PERKHIDMATAN NILAI TAMBAH FARMASI MELALUI MyUBAT

8.1. Format rekod pesakit VAS yang berdaftar adalah berpandukan dari maklumat yang diperolehi dari Sistem MyUBAT.

8.2. Pihak fasiliti perlu memastikan pelaporan Pengurusan Farmasi (PF) serta Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Index, KPI*) berkenaan perkhidmatan nilai tambah farmasi disediakan mengikut format yang diberikan dan dilaporkan kepada TPKN(F) atau Penyelaras Perkhidmatan VAS mengikut ketetapan jadual. Maklumat yang berkaitan perlu diperolehi daripada pelaporan melalui *platform web-console* untuk memenuhi keperluan pelaporan PF dan KPI.


Dokumen berikut adalah rujukan bagi sebarang pelaporan berkaitan perkhidmatan nilai tambah farmasi:

- i. Format Pelaporan Pengurusan Farmasi (PF) terkini
- ii. Manual Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Index, KPI*) terkini
- iii. Surat-surat makluman rasmi daripada Program Perkhidmatan Farmasi, KKM berkenaan KPI


9. CARTA ALIR PROSEDUR KERJA PELAKSANAAN MyUBAT

Tanggungjawab

Proses Kerja




10. GAMBARAN PROSEDUR PELAKSANAAN MYUBAT MENGIKUT APLIKASI MYUBAT DI DALAM TELEFON PINTAR PESAKIT DAN PLATFORM WEB-CONSOLE DI PIHAK FARMASI FASILITI KESIHATAN



11. RUJUKAN

1. Garis Panduan Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu, Edisi Ke-4. 2021
2. Garis Panduan Perkhidmatan Ubat Melalui Pos, Edisi 1. 2010
3. Garis Panduan Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi, Edisi 1. 2016
4. Manual Pengguna *Webconsole* MyUBAT v.1.2.0 (2020)
5. Akta Racun 1952
6. Peraturan-Peraturan Racun 1952



**Program Perkhidmatan Farmasi,
Kementerian Kesihatan Malaysia
Lot 36, Jalan Prof Diraja Ungku Aziz,
46200, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
Tel: 603-7841 3200 Faks: 603-7968 2222
Laman sesawang: www.pharmacy.gov.my**